

10 MAR 1998

Mahathir-Pulang

MAHATHIR PULANG DARI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini selepas lawatan dua hari ke Myanmar.

Antara yang berada di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah menyambut ketibaan beliau ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan para pemimpin korporat.

Semasa di Yangon, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Jeneral Than Shwe.

Perbincangan mereka tertumpu kepada rancangan menggunakan mata wang serantau dalam perdagangan antara Asean.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata Myanmar kini menerima banyak pelaburan setelah negara itu, yang menyertai Asean Julai lepas, menerima sistem ekonomi berasaskan pasaran.

Katanya beliau mendapati banyak kemajuan di negara itu seperti hotel termasuk yang bertaraf lima bintang serta kawasan perindustrian yang menempatkan kilang-kilang.

Mengenai penggunaan mata wang Asean dalam perdagangan antara negara-negara Asean, beliau berkata: "Mereka positif, mereka bersetuju untuk menggunakan mata wang tersebut lebih-lebih lagi untuk mengadakan perjanjian bayaran dua hala."

Ditanya mengenai penyertaan Myanmar pada mesyuarat kedua Asia-Eropah (Asem) di London bulan depan, Dr Mahathir berkata Myanmar tidak akan turut serta.

"Ini kerana Asem bukan berupa perwakilan blok negara-negara kerana keanggotaannya mengikut negara tersendiri," katanya.

Memandangkan tidak ada penambahan bilangan negara untuk menyertai Asem sama ada dari Eropah atau Asia, maka Myanmar dan Laos tidak akan turut menghadiri mesyuarat itu, katanya.

Laos juga menyertai Asean Julai lepas.--BERNAMA

AZZ NAK RON